



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA
GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

28hb Mei 2015

No. 1855.

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY 1999

PEMBERITHUAN ZON PERLINDUNGAN (KAWASAN YANG
DIISYTIHARKAN DAN SEKATAN) 2015

ZONE OF PROTECTION (DECLARED AREA AND
RESTRICTION) NOTIFICATION 2015

pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 48(3) Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 [*Sel. En. No. 2/1999*], pihak Berkuasa Negeri membuat pemberitahuan seperti yang berikut:

Nama

1. Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan Pemberitahuan Zon Perlindungan (Kawasan Yang Diisytiharkan dan Sekatan) 2015.

Kawasan yang diisytiharkan

2. Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan kawasan yang diperihalkan dalam Jadual sebagai suatu zon perlindungan.

Tujuan zon perlindungan

3. Zon perlindungan ditubuhkan bertujuan untuk melindungi dan memelihara kesediaan sumber air sebagai sumber tambahan untuk bekalan air.

Sekatan dalam zon perlindungan

4. (1) Sekatan dalam zon perlindungan adalah seperti berikut:
- (a) halangan ke atas peletakan atau pembinaan mana-mana struktur atau pelaksanaan apa-apa kerja seumpamanya;
 - (b) halangan ke atas penggunaan atau penyimpanan apa-apa bahan kimia, termasuklah racun makhluk perosak atau baja;
 - (c) halangan ke atas perubahan kontur tanah yang sedia ada termasuk mana-mana penggedran dan pembinaan jalan raya;
 - (d) halangan ke atas pembersihan atau penuaian sayuran, termasuk penebangan pokok, pembuangan pertumbuhan riparian atau penyaliran tanah perairan; dan
 - (e) halangan ke atas pembuangan apa-apa bahan pencemar atau buangan.

(2) Tertakluk kepada kebenaran mana-mana undang-undang bertulis lain, mana-mana orang, sebelum melakukan apa-apa aktiviti atau kerja di dalam zon perlindungan yang bertentangan dengan sekatan yang ditetapkan, hendaklah memperoleh kebenaran bertulis daripada pengarah Lembaga Urus Air Selangor.

JADUAL

(1) Kawasan Dijadikan	(2) Mukim	(3) Daerah	(4) Keluasan	(5) No. Pelan Warta
(a) Kawasan yang sempadannya bergarisan tebal	Tanjong Karang	Kuala Selangor	4451.3 hektar (10999.4 ekar)	P.W. 1646 (disimpan di pejabat pengarah Ukur dan pemetaan, Selangor)
(b) Kawasan yang sempadannya bergarisan tebal	Serendah, Sungai Tinggi dan Rawang	Ulu Selangor dan Gombak	217.3 hektar (536.9 ekar)	P.W. 1648 (disimpan di pejabat pengarah Ukur dan pemetaan, Selangor)

Dibuat pada 13 April 2015

[LUAS Sel. 1008/5/4; P.U. Sel. (ADV) PS/05/4/4]

ELYA MARINI BINTI DARMIN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Selangor